

PTG. Kn. 102/75/(3)

Kepada:-

SEMUA PEMUNGUT-PEMUNGUT HASIL TANAH,  
KELANTAN.

Tuan,

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN  
BIL. 2/ 1975**

---

**Rancangan Pemberian Tanah Kepada Keluarga-Keluarga Kelas 'C'**

Adalah saya dengan segala hormatnya menarik perhatian tuan kepada perkara yang diatas dan dimaklumkan bahawa M.M.K. yang bersidang pada 3.10.1965 selepas menimbang Kertas Bil. 22/589/65 11/(12) bagaimana dalam fail MB.Kn.19/65 telah bersetuju meluluskan Rancangan yang diatas dengan 3 tujuan yang di bawah ini:-

- (a) Melaksanakan Dasar Tanah Negeri Kelantan perenggan 22 dan 23 (bagaimana dalam Pengedaran P.T.G. Bil. 4/1960) untuk memberi tanah kepada rakyat yang kehendakkan tanah;
- (b) Dapat menambah hasil Kerajaan dengan cepat;
- (c) Dapat menolong memberi pekerjaan kepada rakyat yang miskin dan tak mempunyai pekerjaan dalam Rancangan-Rancangan Tanah dan Kampung-Kampung Baharu dengan adanya rancangan ini.

2. Dasar mengenai pelaksanaan Rancangan ini telah dikaji semula oleh Kerajaan dan M.M.K dalam sidangnyanya kali yang ke 19/75 yang bersidang pada 16.10.75 telah memutuskan bahawa dasar dan pelaksanaan Rancangan ini hendaklah dibatalkan. Oleh itu semua Pemungut-Pemungut Hasil Tanah adalah ditegah dari menerima semua permohonan-permohonan milik tanah dari keluarga kelas 'C' ini. Mana-mana permohonan yang telah diterima , tetapi fail permohonannya belum didaftarkan lagi, hendaklah dipulangkan balik bersekali dengan wang depositnya.

3. Dan lagi melalui Arahan ini Pemungut-Pemungut Hasil Tanah yang berkenaan hendaklah membuat kajian dan penyiasatan berkenaan dengan permohonan-permohonan dari keluarga kelas 'C' yang telah diluluskan tetapi belum didaftarkan dibawah Hakmilik Sementara dan lapurkan ke Pejabat ini dengan memberi butir-butir bagaimana berikut:

Bil:	Nama Pemohon	Jumlah Deposit	Tarikh Diluluskan	Sebab-sebab belum didaftar dibawah Q.T.

4. Mana-mana permohonan yang telah diterima dan fail permohonannya telah didaftarkan tetapi belum diluluskan lagi, hendaklah diproses melalui saluran biasa, dan jika didapati tidak berlawanan dengan Dasar Tanah Negeri, bolehlah diangkat bagi timbangan M.M.K. atas satu-satu kes dengan mengguna fail permohonan masing-masing.

Sekian sahaja dimaklumkan.

MOHD..TAJOL AROS B.AHMAD  
Pengarah Tanah dan Galian  
Kelantan.

s.k.

Semua Ahli Dewan Undangan Negeri Kelantan.  
(Untuk makluman)

Pegawai Tadbir,L.K.T.N. Kelantan, Kota Bharu.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
KELANTAN,KOTA BHARU.  
1HB.NOVEMBER, 1975**